

RAWATAN ENDOMETRIOSIS

Rancangan kehamilan diambil kira kerana simptom akan bertambah semakin umur meningkat



Dr. Mohamed Rafi Feizal dan Dr. Ummul Wahy Abdul Hakim
Pakar Obstetrik & Ginekologi
Hospital Ummu

saiz ketumbuhan endometriosis, rancangan anda untuk mendapatkan anak sekarang atau pada masa akan datang serta akan bertambah semakin umur meningkat.

Secara umum, rawatan endometriosis terbahagi kepada tiga kategori iaitu ubat penahan sakit, terapi hormon dan rawatan pembedahan.

Lazimnya ubat penahan sakit bertindak andai kesakitan dihidupi adalah ringan. Ubat penahan sakit yang biasa digunakan adalah ubat antiradang, lebih dikenali dengan panggilan NSAIDS dan Opioids yang mana ubat-ubatan ini berinteraksi terus dengan sistem saraf.

Selain itu, persepsi kesakitan boleh diubah oleh

membantu rawatan kesakitan endometriosis yang melampau dengan mengenal pasti lokasi endometriosis, sekali gus mengeluarkannya.

Kaedah boleh digunakan seperti laparaskopi yang mana pakar bedah menggunakan instrumen kecil dengan cara menggabungkan perut sedikit dan memasukkan kamera peranti halus untuk melihat ketumbuhan di hujung alat itu (laparaskop).

Selain itu, laparatomy-pembedahan perut yang utama di mana pakar bedah mengeluarkan sisa endometriosis yang besar. 'Surgery to severe pelvic nerves' yakni pembedahan pada saraf hanya dilakukan jika sakit itu terletak di tengah-tengah perut agar kesakitan yang dialami berkurangan.

RAWATAN JIKA ANDA MAMAM

Selalunya doktor merujuk seseorang itu kepada pakar kesuburan yang akan menjalankan laparaskopi dan 'dye' (lap and dye), supaya penilaian dapat dibuat berkaitan sebarang kerosakan pada tiub Fallopio dan ovari.

Anda juga mungkin disaran menjalankan imbasan ultrabunyi untuk memeriksa organ pelvis, yang boleh dijalankan dengan menggu-

nakan prob ultrabunyi yang dimasukkan ke dalam faraj.

Sekiranya endometriosis anda tidak serius, doktor mencadangkan tiada rawatan selama enam hingga 12 bulan bagi melihat sama ada anda boleh hamil tanpa sebarang intervensi.

Namun begitu, sesetengah pasangan memilih penghamilan dibantu, kerana tidak mahu menjalani teknik pembedahan, dan intervensi lain kerana penghamilan belum berlaku secara semula jadi selepas mencuba selama setahun.

Bagi wanita yang mengalami endometriosis ringan, mereka disarankan menjalani rawatan kesuburan iaitu Inseminasi Intrauterin (IUI) selama tiga hingga enam kitaran. Jika IUI tidak berjaya atau tidak bersejuaian (masalah ketidaksuburan lelaki), satu lagi rawatan kesuburan iaitu Persenyawaan in Vitro (IVF) akan disarankan.

MAMAM JIKA ANDA MAMAM

Jika anda hanya mengalami kesakitan yang ringan sebelum atau sewaktu haid dan ketidaksuburan bukanlah faktor penting, ubat penahan sakit mungkin sudah memadai bagi meyenapkan

ketidakelesaan anda.

Hormon perancang keluarga dan hormon analog 'Gonadotrophin releasing hormone' (GnRH) adalah terapi mungkin dicadangkan oleh doktor.

Jika endometriosis anda teruk, doktor mencadangkan supaya sista dikeluarkan melalui pembedahan. Ini biasanya dilakukan melalui pembedahan lubang kunci laparaskopi, menggunakan laser atau peranti lain untuk memotong dan memusnahkan endometriosis.

Apabila kesuburan bukanlah satu isu, ini mungkin memabatkan pemuangan organ yang sudah terjejas seperti tiub Fallopio, ovari atau rahim.

Jika rahim dibuang, anda tidak lagi boleh hamil sampai bila-bila. Ini adalah pilihan apabila mendapati keadaan agak teruk.

Kesimpulannya, semua rawatan perubahan yang ada adalah berkesan dalam mengawal simptom tetapi berbeza dari segi kesan sampingannya.

Jika anda tidak serasi dengan satu jenis ubat, jumpa dan tanyalah doktor sama ada anda boleh mencuba ubat yang lain yang mungkin lebih sesuai untuk anda.